# Hanya sembilan sungai di Johor dikategorikan tercemar

Nasional - Dicipta: 09 Jun 2024 12:36 PM - Kemas kini: 09 Jun 2024 12:36 PM



*Foto hiasan/Foto RTM*

***JOHOR BAHARU, 9 Jun***- Isu pencemaran sungai di Johor, menunjukkan trend positif dengan hanya sembilan sungai dikategorikan tercemar.

Ia berbanding 14 sungai tercemar yang direkodkan tahun lalu.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar, Ling Tian Soon berkata, perkembangan positif itu dicapai menerusi pelbagai inisiatif yang dijalankan kerajaan negeri bersama agensi berkaitan.

Malah, kira-kira 300 tan sampah berjaya dikutip di Sungai Skudai dan Sungai Tebrau, sempena program Johor Bersih, tahun lalu.

"Melalui pelbagai inisiatif bukan sahaja kita memungut sampah malah melalui jabatan Alam sekitar daripada tindakan Penguatkuasaan yang ketara ataupun kita bekerjasama dengan pihak industri-supaya tidak

melepaskan air kumbahan mereka dan banyak inisiatif kita lakukan c... ngurangkan sungai tercemar daripada 14 ke... emikian pada sidang media Program Johor Bersih di Sungai Skudai di sini.

Selain Johor, sungai tercemar turut dikesan di negeri Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Sarawak.

#JOHOR #SUNGAI #TERCEMAR

< Seterusnya    Seterusnya >

## Berita Lain

### Kerajaan perkenal mekanisme interim pembayaran semula SKDS 2.0

12 Jun 2024 01:03 PM - Nasional

### Operasi Masyair siap sepenuhnya, sambut ketibaan jemaah Malaysia

12 Jun 2024 12:48 PM - Nasional

### 20 lokasi utama kebakaran tanah gambut dikenal pasti

12 Jun 2024 12:41 PM - Nasional

### 'Spiderman' Poland berisiko diperintah bayar kos operasi menyelamat

12 Jun 2024 11:08 AM - Nasional